



**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

KONAKA

KONFERENSI AKADEMIK

2016

Pengkongsian Ilmu Dari Perspektif Islam

30 November 2016 | Rabu
UiTM Cawangan Pahang
Kampus Jengka



MELONJAK UiTM
DI PERSADA GLOBAL

UiTM Sentia

Peranan Serta Sumbangan Ilmuan Islam Tanah Melayu dalam Perkongsian Ilmu: Suatu Sorotan

Muhammad Muzakkir Othman^{1*}, Asjad Mohamed², Ibrahim Mohd Sobki³,
Wan Azmi Wan Ahmad⁴, Siti Zafrina Mohd Zahari⁵

¹⁻⁵ Academy Contemporary of Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA Pahang,
Kampus Jengka, Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang, Malaysia
ziekir@pahang.uitm.edu.my, asjad@pahang.uitm.edu.my, ibrahim_sobki@pahang.uitm.edu.my,
wanazmi@pahang.uitm.edu.my, zafrina@pahang.uitm.edu.my

*Penulis Rujukan

Abstrak: Konsep ilmu dan ilmuan adalah sesuatu yang tidak dapat dipisahkan dalam dunia keilmuan. Kombinasi keduanya akan melahirkan sinergi atau kekuatan untuk kelestarian ilmu termasuklah dalam dunia keilmuan Islam. Ini kerana ilmu adalah sesuatu yang perlu disebarkan, ianya pasti memerlukan kepada kesungguhan serta usaha yang berterusan terutamanya dari ilmuan itu sendiri. Ianya juga amat bertepatan dengan saranan Rasulullah SAW yang menyarankan supaya ilmu itu disebarkan serta dikongsikan kepada seluruh masyarakat agar manfaatnya dapat dikongsikan bersama. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif dengan melakukan analisis kandungan terhadap kajian-kajian lepas. Skop kajian ini memfokuskan kepada konsep ilmu dan ilmuan menurut perspektif Islam. Begitu juga peranan yang perlu dimainkan oleh seorang ilmuan khususnya ilmuan Islam Tanah Melayu untuk memastikan agar segala ilmu yang dimiliki tidak akan berkubur begitu sahaja. Fokus kepada ilmuan Tanah Melayu tersebut akan ditinjau daripada pelbagai disiplin ilmu samada ilmu agama dan kemasyarakatan. Objektif kajian ini untuk merungkai sejauh mana kesan yang telah dibawa oleh para ilmuan tersebut terhadap pembangunan intelektual dan budaya ilmu di kalangan masyarakat. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat sangat ramai ilmuan Islam yang menyumbang dalam perkongsian ilmu walaupun terkadang di kalangan mereka kurang dikenali umum. Dapatan kajian ini juga menyumbang kepada kesedaran yang lebih mendalam terhadap sumbangan ilmuan Islam khususnya di Tanah Melayu.

Kata Kunci: Ilmu, Ilmuan, Melayu, Perkongsian Ilmu, Sumbangan

1. Pendahuluan

Islam merupakan agama yang mengutamakan pendidikan serta keilmuan di kalangan umatnya. Ini dapat dilihat sejak bermulanya penurunan wahyu yang pertama kepada junjungan mulia Nabi Muhammad SAW. Konsep Iqra' yang bertitik tolak daripada surah al-'Alaq amat sinonim dan mempunyai pertalian yang begitu ampuh dalam membuktikan budaya ilmu dalam Islam. Dalam menggerakkan momentum serta budaya keilmuan ini, pastinya ada faktor yang menjadi asas utama kejayaan tokoh ilmuan Islam samada pada zaman kegemilangan Islam mahupun zaman-zaman selepas itu. Sesungguhnya ilmu dan ilmuan merupakan gabungan keilmuan yang pastinya tidak dapat dipisahkan dalam mewujudkan sebuah tamadun manusia yang berketrampilan dan mempunyai wawasan dunia akhirat. Tajuk kajian ini dipilih untuk mendedahkan kepada umum bahawa terdapat ramai lagi tokoh ilmuan Islam di Tanah Melayu yang turut menyumbang kepada perkembangan serta perkongsian ilmu.

2. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan buku-buku serta hasil kajian lepas. Namun fokus kajian hanya ditumpukan kepada tokoh ilmuan Islam di negeri Kelantan, Terengganu serta Kedah. Ini kerana negeri-negeri tersebut lebih terkehadapan dalam perkembangan keilmuan Islam berbanding negeri-negeri lain. Kajian ini juga dibataskan kepada sumbangan ilmuan Islam dalam perkongsian ilmu agama serta kemasyarakatan.

3. Konsep Ilmu dan Ilmuan Menurut Perspektif Islam

Terdapat pelbagai huraian serta perbincangan di kalangan ilmuan Islam serta Ensiklopedia yang membahaskan tentang definisi serta konsep ilmu ini. Namun penulisan ini hanya memfokuskan kepada beberapa pandangan sahaja, sebagai langkah untuk memberikan kefahaman awal terhadap konsep ini. Dari sudut bahasa, Zulkifli Mohd al Bakri (2015) menyatakan bahawa kalimah ilmu terbina di atas tiga huruf iaitu علم yang bermaksud pengetahuan ataupun makrifah. Manakala ilmu dari sudut istilah adalah kemampuan untuk mengetahui hakikat yang sebenar (Qutb Mustafa Sano, 2000).

Menurut pandangan Islam, seseorang ilmuan itu kebiasaannya akan disebut sebagai seorang ulama. Cuma perbincangan kertas kerja ini lebih memfokuskan definisi ilmuan yang menggalas amanah sebagai seorang ulama. Menurut Zulkifli Mohamad al-Bakri (2014) terdapat beberapa konsep serta definisi ulama. Antaranya ulama merupakan individu yang mahir dan pakar dalam ilmu syariah, beramal dengan ilmunya serta melaksanakan segala kehendak dan perintah Allah Ta'ala. Ulama juga ahli fiqh Islam yang mempunyai kemahiran dalam bidang fatwa untuk menjelaskan hukum syariat Islam. Selain itu, ulama adalah seorang ilmuan serta pemimpin agama yang memiliki tahap keilmuan yang tinggi serta penguasaan yang mantap sehingga mereka mampu untuk berjihad.

Jelaslah daripada beberapa definisi ilmuan Islam ataupun ulama ini menunjukkan peri pentingnya serta kemuliaan yang dimiliki oleh para ulama dalam memartabatkan syiar Islam dan umanya. Kemuliaan ini jelas dirakamkan oleh Allah Ta'ala sebagaimana firman-Nya:

Maksudnya:

“Allah menyatakan bahawasanya tidak ada Tuhan melainkan dia (yang berhak disembah), yang menegakkan keadilan. para malaikat dan orang-orang yang berilmu (juga menyatakan yang demikian itu). tak ada Tuhan melainkan dia (yang berhak disembah), yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.”

(Ali 'Imran 3:18)

Wahbah al-Zuhaili (1998) dalam Tafsir Munir ada memetik pandangan Imam al-Qurtubi dalam menghuraikan kepentingan ayat ini. Imam al-Qurtubi menyatakan bahawa ayat ini menjadi bukti nyata terhadap kelebihan ilmu dan kemuliaan para ulama. Bukti ini jelas dapat dilihat dalam ayat tersebut sehinggakan Allah Ta'ala menggabungkan serentak antara para malaikat dan ulama. Bahkan para ulama ini akan sentiasa di doakan pengampunan oleh tujuh puluh ribu malaikat.

4. Kepentingan Ilmu

Sememangnya Islam amat menitik berat bidang keilmuan ini sehinggakan wahyu pertama pun menyentuh secara langsung tentang konsep keilmuan yang dimulai dengan membaca. Bahkan Surah al-'Alaq telah menjadi satu indikator yang amat jelas dalam membicarakan dunia keilmuan menurut perspektif Islam.

Terdapat banyak ayat al-Quran serta sabda Nabi SAW yang berkaitan kepentingan ilmu, antaranya firman Allah dlm Surah al-Zumar:

Maksudnya:

“Katakanlah: "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran.”

(Al-Zumar 39:9)

Kedudukan serta martabat ilmu dan ilmuan dalam Islam amat tinggi sehinggakan Allah Ta’ala merakamkannya dalam satu ayat yang khusus dalam Surah al-Mujadilah:

Maksudnya:

“Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha mendalam pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan.”

(Al-Mujadilah 58:11)

Begitu juga Rasulullah SAW banyak menyatakan kelebihan, keistimewaan serta ganjaran yang diperolehi oleh ulama. KH. Muhammad Syukeri (2011) dalam kitabnya telah menghimpunkan sebanyak empat puluh hadith yang berkaitan dengan kelebihan ilmu dan ulama. Antaranya hadith :

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَأَهْلَ
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ حَتَّى النَّمْلَةُ فِي جُحْرِهَا وَحَتَّى الْحُوتُ فِي الْبَحْرِ
لَيُصَلُّونَ عَلَى مُعَلِّمِ النَّاسِ الْخَيْرِ

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya dan penghuni segala langit dan bumi, sehinggakan semut yang ada di dalam lubangnya dan ikan yang ada di lautan, semuanya memohon kebaikan bagi orang yang mengajar manusia akan kebaikan.”

(Riwayat al-Tirmizi)

Daripada hadith tersebut, dapat dfahami dengan begitu jelas bahawa kedudukan serta kelebihan yang dianugerahkan kepada para ilmuan amat tinggi sehinggakan seluruh penduduk langit dan bumi mengenali mereka. Bukan itu sahaja, bahkan para ilmuan itu akan mendapat payungan doa kebaikan daripada seluruh makhluk termasuklah ikan-ikan di lautan. Itulah kehebatan serta keistimewaan yang dimiliki oleh para pencinta ilmu apatah lagi insan yang bergelar ilmuan ataupun ulama.

5. Tokoh-Tokoh Ilmuan Islam Tanah Melayu dan Sejarah Keilmuannya

Jika dilihat daripada sorotan sejarah khususnya di Malaysia, memang terdapat banyak tokoh ilmuan atau ulama yang telah menyumbang dalam perkongsian dan penyebaran ilmu. Rasid Muhamad (2010) telah menyenaraikan tokoh-tokoh ilmuan yang lahir di Tanah

Melayu. Antara tokoh-tokoh tersebut Syeikh Abdul Rauf Singkel, Syeikh Nuruddin al-Raniri, Muhammad Zain bin Faqih Jalaluddin dari Aceh, Syeikh Muhammad Arshad Banjar, Syeikh Muhammad bin Ismail dari Patani, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dari Terengganu. Begitu juga Syeikh Abdul Samad bin Muhamad Salih, Muhammad Yusuf Kenali serta Syeikh Ali Kutan dari Kelantan. Namun kertas kerja ini hanya memfokuskan kepada beberapa orang tokoh ulama yang mewakili beberapa negeri tertentu seperti Kelantan, Terengganu dan Kedah. Manakala tokoh-tokoh ilmunan yang dikemukakan dalam kertas kerja ini jika dilihat seakan tidak segar atau terkenal sebagai tokoh-tokoh yang dinyatakan di atas. Tujuannya adalah untuk mendedahkan kepada masyarakat awam bahawa di sebalik tokoh-tokoh ilmunan yang terkenal, masih ada lagi ilmunan-ilmun lain yang mungkin kurang dikenali, tetapi turut serta menyumbang dalam perkongsian dan penyebaran ilmu untuk masyarakat.

a- Ulama Kelantan (Haji Ghazali Pulai Chondong (1916-1969))

Antara ulama yang menyumbang dalam perkongsian dan penyebaran ilmu di bumi Kelantan adalah Haji Ghazali Pulai Chondong.

Menurut Ismail Che Daud (2007), Haji Ghazali Pulai Chondong merupakan seorang ulama yang mempunyai kepakaran dalam bidang tasawwuf, juga merangkap anggota Jemaah Ulama Majlis Ugama Islam Kelantan. Beliau dilahirkan pada tahun 1916 di Kampung Lati, Pasir Mas, Kelantan.

Proses pengajian beliau bermula dengan pengajian al-Quran. Gurunya adalah Tuan Guru Haji Ahmad Batu Tiga yang juga merupakan abang sulungnya. Selepas itu, beliau menyambung pengajiannya di Pondok Kenali, Kota Bharu yang mana sempat berguru dengan al-'Alim al-'Allamah Haji Muhammad Yusuf Kenali (Tok Kenali) yang pada saat itu dalam keadaan tua dan uzur. Namun ketentuan Allah mengatasi segala-galanya, beliau tidak sempat belajar lama dengan Tok Kenali yang telah meninggal dunia pada tahun 1933.

Setelah umurnya menjangkau 18 tahun, Haji Ghazali telah berangkat ke Makkah al-Mukarramah untuk mendalami ilmu agama selama empat tahun. Semasa di tanah suci, beliau sempat menadah ilmu bersama-sama Tuan Guru Haji Abdul Rahman Sungai Durian. Antara guru-gurunya adalah Syed Alwi, Syeikh Muhammad Amin Kutbi, Syeikh Hassan Masyat dan Syeikh Muhammad Shafie Kedah.

Sumbangannya dalam Perkongsian Ilmu

Antara sumbangan awal Haji Ghazali dalam perkongsian ilmu, beliau telah membantu abangnya Tuan Guru Haji Ahmad mengajar di Pondok Kg Sipol, Tok Uban, Pasir Mas. Namun selepas itu beliau telah berjaya membuka serta mengasaskan pondok sendiri di Kampung Kok Lanas. Selama lapan tahun beliau menyumbang bakti dan mencurahkan ilmunya di pondok tersebut, sehinggalah beliau berpindah ke Kg Galang, Pulai Chondong. Rentetan pembukaan pondoknya di Pulai Chondong ini, semakin ramai pelajar serta masyarakat yang menumpang keilmuannya sehinggalah beliau digelar Haji Ghazali Pulai Chondong. Antara kitab yang diajar oleh Tuan Guru Haji Ghazali adalah *Tafsir Jalalain*, *Ihya' Ulum al-Din*, *Minhaj al-'Abidin* dan sebagainya.

Selain itu, sumbangan Haji Ghazali bukan hanya tertumpu dalam skop pengajaran atau menyampaikan kuliah sahaja, akan tetapi beliau juga merupakan seorang ulama yang dapat menyampaikan ilmu melalui penulisan buku. Antara buku yang telah ditulis olehnya ialah *Penetapan Ke Alam Abadi* yang membicarakan tentang ilmu tauhid, syurga, neraka dan lain-lain. Selain itu beliau turut menulis sebuah buku yang bertajuk *Peraturan Mengambil Wuduk dan Menunaikan Fardu Sembahyang Lima Waktu dan Doanya* yang telah banyak memberikan sumbangan dan manfaat untuk masyarakat.

b- Ulama Terengganu (Tuan Haji Omar Besut (1878-1941)

Terengganu merupakan sebuah negeri yang melahirkan ramai tokoh ilmuan dan ulama di Semenanjung Tanah Melayu. Antara tokoh ulama kelahiran negeri Terengganu yang terkenal (Ismail Che Daud, 2012) sebelum berlakunya Perang Jepun tahun 1941 adalah Haji Omar Kampung Raja atau lebih di kenali dengan panggilan Tuan Haji Omar Besut.

Nama penuh ialah Haji Omar bin Che Ahmad bin Che Wan Che Latif bin Che Wan Che Chik bin Che Wan Che Jat bin Che Wan Che Latif bin Che Wan Che Jenal bin Che Wan Che Hamat. Beliau dilahirkan samada di Kampung Palembang atau di Kampung Sungai, yang mana kedua-duanya terletak dalam Daerah Besut.

Sejarah Pendidikan Tuan Haji Omar Besut

Pendidikan agama secara tidak formalnya bermula dengan pengajian al-Quran dengan Haji Ibrahim yang juga merupakan bapa saudara sebelah ibunya. Di samping itu beliau juga telah menyambung pengajiannya dengan memasuki pondok (memondok) di Pondok Kampung Lapu dan berkawan dengan Haji Mat Saman Kuala Nipah, Bachok, Haji Abdul Samad Gong Kala dan Haji Muhammad Saleh Wakaf Berangan, Pasir Puteh.

Perjalanan dunia keilmuan Tuan Haji Besut diteruskan, kali ini beliau mendalami imu agama di Makkah al-Mukarramah sehingga memakan masa belasan tahun. Bahkan ada yang menyatakan sehinggakan 23 tahun proses pengajian yang dilalui olehnya. Ketika di tanah suci inilah beliau telah berkesempatan untuk mendampingi serta bermuzakarah dengan “ulama tiga serangkai” yang berasal dari Kelantan, iaitu Tok Kenali, Tok Bachok dan Tok Kemuning.

Perkongsian Ilmu Tuan Haji Omar Besut

Bagi meneruskan legasi keilmuan Islam, Tuan Haji Besut telah membuka pondok pengajian agama yang terletak di Kampung Palembang, Besut pada tahun 1908. Di pondok inilah beliau telah mengasuh serta melahirkan murid-murid untuk mendalami khazanah keilmuan Islam. Antara kitab-kitab yang diajarkan oleh Tuan Haji Omar Besut ialah *Fath al-Wahhab*, *Mahalli*, *Minhaj al-Abidin*, *Minhaj al-Talibin*, *Ashmuni* dan sebagainya.

Hasil kesungguhannya telah melahirkan murid-murid dari pelbagai negeri samada Kelantan, Terengganu bahkan juga dari Yala, Thailand. Antaranya ialah Tuan Guru Haji Muhammad Ali bin Haji Abdullah, Kampung Nering, Pasir Puteh, Yusuf Bari, Kampung Pinang, Besut, Ustaz Harun Taufik, Yala, Thailand dan ramai lagi.

Di samping itu, Tuan Haji Omar merupakan seorang ulama yang begitu menyantuni tetamu-tetamunya sehinggakan beliau telah menjadikan hari Selasa sebagai hari khas untuk menerima kunjungan tetamu yang ingin mengajukan apa sahaja permasalahan. Beliau seorang ulama yang boleh dikatakan sebagai pendengar yang amat setia dalam mendengar segala keluhan serta rintihan permasalahan yang dihadapi oleh para tetamunya. Kemudian beliau akan menasihati serta cuba menyelesaikan permasalahan tersebut setakat kemampuan yang dimiliki.

Takdir Allah mengatasi segala-galanya, Haji Omar Besut telah meninggal dunia pada petang Selasa 23 Disember 1941 semasa usianya 63 tahun. Beliau telah meninggalkan khazanah ilmu yang begitu berharga iaitu murid-muridnya yang ramai. Namun penadbiran pondok yang diasaskannya tidak dapat dipertahankan kerana murid-muridnya telah berpindah ke pondok-pondok lain seperti Pondok Haji Muhammad Kuala Besut dan sebagainya

c- Ulama Kedah (Tuan Hussain Kedah 1863-1936)

Antara negeri yang menjadi tumpuan pencinta ilmu adalah Kedah. Di sini lahirnya ramai ilmuan serta ulama yang telah menjadi pelita buat menerangi dunia keilmuan. Ismail Che Daud (2012) menyatakan bahawa salah seorang tokoh ilmuan negeri Kedah adalah Tuan Husain Kedah.

Beliau telah dilahirkan pada 20 Jumad al-Awwal 1280 hijrah di Kampung Titi Gajah, Alor Setar, Kedah. Jika diteliti dengan mendalam salasilah keturunannya, jelas menunjukkan bahawa ayahnya sendiri juga merupakan seorang ulama. Sudah menjadi tradisi ulama-ulama dahulu untuk merancang serta merencana masa depan keturunan mereka untuk terus mewarisi tradisi keilmuan dan pengetahuan agama.

Sejarah Pendidikan Tuan Hussain Kedah

Setelah menghabiskan masa hampir lima tahun bersama datuknya, Tuan Hussain Kedah telah mengembara ke seluruh pelusuk tanah air khususnya di Patani dan Kelantan. Antara ulama yang disantuni beliau semasa mengembara ke Kelantan adalah Tok Khurasan, Tuan Tabal, Tuan Padang, Tok Konok dan lain-lain lagi.

Setelah sekian lama menimba ilmu, beliau telah kembali semula dan mula mencurahkan khidmat bakti di Kampung Titi Gajah. Namun beliau masih merasakan dirinya belum menguasai sepenuhnya bidang keilmuan, sehingga beliau mengambil langkah untuk meneruskan pengajiannya di Makkah. Pada tahun 1310 Hijrah beliau telah bertolak ke Makkah dan sempat belajar dengan beberapa ulama. Antaranya Syeikh Hasbullah, Syeikh Nawawi Banta, Syeikh Ahmad Lingga dan sebagainya.

Perkongsian Ilmu Tuan Hussain Kedah

Setelah menghabiskan masa selama enam tahun di bumi Makkah, Tuan Hussain Kedah telah kembali ke kampung asalnya iaitu Kampung Titi Gajah. Namun proses perkongsian ilmu daripadanya tidak hanya tertumpu di situ sahaja kerana beliau banyak berpindah-randah ke Alor Kapor, Bohor, Kuala Merbok, Padang Lumat sehinggalah ke Pokok Sena, Kepala Batas, Seberang Perai.

Dalam proses pengajaran, Tuan Hussain Kedah menggunakan pendekatan dan sistem pondok. Namun pendekatan pondok ini tidak dapat bertahan lama kesan kemunculan sistem persekolahan sehingga beliau telah membina rumah panjang yang dapat memuatkan 60 orang pelajar. Hasil pendekatan sistem persekolahan yang lebih sistematik iaitu menggunakan jadual pengajian yang lebih teratur ini, telah menarik perhatian pelajar-pelajar lain untuk menimba ilmu.

Selain itu, Tuan Hussain Kedah turut berkongsi keilmuannya menerusi penghasilan karya serta penulisannya sebanyak 13 buah kitab. Kitab-kitab tersebut mencakupi pelbagai bidang antaranya bidang fiqh, tauhid dan tasawwuf. Antaranya kitab *Hidayat al-Sibyan*, *Hidayat al-Fattah*, *Majmu' al-La'ali*, *Hidayat al-Atfal*, *Tamrin al-Sibyan*, *Malaqit al-Lamiyah wa al-Syafiah*, *Kasr al-Iksir*, *Tafrih al-Sibyan*, *Hidayah al-Mutafakkirin*, *Usul al-Tauhid* dan sebagainya.

Tanggal 18 Zulkaedah 1354 (1936), Tuan Hussain Kedah telah meninggal dunia pada usia 74 tahun di Pokok Sena, Seberang Prai. Namun legasi keilmuannya masih diteruskan oleh anaknya Tuan Guru Haji Ahmad.

6. Kesimpulan

Daripada penulisan ini, jelas menunjukkan bahawa para ilmunan mahupun ulama Tanah Melayu banyak memberikan sumbangan kepada perkembangan serta perkongsian ilmu, terutamanya ilmu keagamaan. Hasilnya kita dapat perhatikan pada hari ini, telah melahirkan ramai pelajar yang akhirnya telah menjadi tenaga pengajar samada dalam sistem pondok mahupun sistem pendidikan moden seperti institusi pengajian tinggi. Sumbangan kajian ini antaranya dapat menjelaskan kepada masyarakat umum bahawa terdapat ramai lagi ilmunan-ilmuan Islam yang menabur jasa dan sumbangan dalam memartabatkan serta menyebarkan luas Islam. Selain itu, dapatan ini juga dapat dijadikan satu panduan bahawa seseorang ilmunan Islam

perlu menguasai pelbagai bidang serta disiplin ilmu termasuklah ilmu kemasyarakatan agar kehadiran seseorang ilmuan Islam tersebut dapat dirasakan oleh segenap kelompok masyarakat samada golongan agamawan mahupun sebaliknya.

7. Rujukan

- Ismail Che Daud. (2012). *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn Bhd.
- Ismail Che Daud. (2007). *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (2)*. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn Bhd.
- KH.Muhammad Syukeri bin Unus Al-Banjari. (2011). *Empat Puluh Hadits Kelebihan Ilmu Dan Ulama*. Kedah: Khazanah Banjariah.
- Qutb Mustafa Sano. (2000). *Mu'jam Mustalahat Usul al-Fiqh*. Beirut; Dar al-Fikr.
- Rasid Muhammad. (2010). *Merintis Kecemerlangan Islam*. Selangor: Karya Bestari Sdn Bhd.
- Wahbah al-Zuhaily. (1998). *Tafsir al-Munir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2014). *Selamat Tinggal Ulama*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri.(2015). *Tinta Nasihat Untuk Penuntut Ilmu*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi.